



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER DISEMBER SESI 1992/93

KOD KURSUS : AP 1013 (PENGANTAR PSIKOLOGI)

TARIKH : 5 APRIL 1993 (ISNIN)

MASA : 9.00 - 11.30 PAGI

TEMPAT : DKG 3/1

ARAHAN:

1. Anda dikehendaki menjawab semua soalan
2. Jawapan Bahagian A hendaklah dibulatkan di atas jawapan yang betul di kertas soalan ini, jawapan bagi Bahagian B dan C hendaklah ditulis di atas kertas soalan ini dan jawapan bagi Bahagian D hendaklah ditulis di atas buku jawapan yang disediakan.
3. Kertas soalan ini dan buku jawapan hendaklah diikat bersama dengan kemas.

NO. MATRIK: _____ (dengan perkataan) (dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN:

NAMA PENSYARAH: _____ **KUMPULAN:**

**JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERI
ARAHAN**

BAHAGIAN A (25 Markah)

Bulatkan jawapan yang paling tepat.

1. Istilah psikologi berasal dari bahasa
 - a) Jerman
 - b) Greek
 - c) Perancis
 - d) Rusia

2. Aliran mazhab yang paling baru dalam bidang psikologi yang melihat proses mental yang berlaku di otak merupakan aliran/mazhab.
 - a) Kognitif
 - b) Gestalt
 - c) Humanistik
 - d) Behaviorisme

3. Kesemua di bawah ini merupakan prinsip-prinsip organisasi persepsi **KECUALI**
 - a) Prinsip hubungan Gambar dengan Latar
 - b) Prinsip Penggelompokan
 - c) Prinsip Perlengkapan
 - d) Prinsip ketetapan
 - e) Tiada satu pun yang betul

4. _____ ialah sesuatu kekurangan dalam tubuh atau kekurangan sosial psikologikal.
 - a) Motif
 - b) Keperluan
 - c) Dorongan
 - d) Naluri

5. Teori kognitif dalam emosi mempunyai persamaan dengan teori
 - a) Cannon - Bard
 - b) James - Dean
 - c) Davidoff
 - d) Erikson - Lange
 - e) Tiada satu pun yang betul

6. Loceng yang digunakan di dalam ujikaji Pelaziman Klasik merupakan
- a) Gerakbalas terlazim
 - b) Ransangan terlazim
 - c) Gerakbalas tak terlazim
 - d) Ransangan tak terlazim
7. Ingatan Episodik dan Ingatan _____ merupakan dua jenis ingatan Jangka Panjang
- a) Semantik
 - b) Aktif
 - c) Sekunder
 - d) Segera
8. Konsep sendiri merupakan
- a) Cara kita mengeluarkan pendapat
 - b) Cara kita membentuk personaliti
 - c) Cara kita menilai diri sendiri
 - d) Cara kita mengubah persepsi diri
9. Ujian kecerdasan yang pertama yang telah diubahsuai adalah ujian
- a) Skala Stanford - Simon
 - b) Skala Weschler
 - c) Skala Binet - Simon
 - d) Skala Stanford - Binet
10. Konflik _____ merupakan konflik yang berlaku ketika seseorang itu berada di tahap awal dewasa mengikut Teori Psikososial Erikson.
- a) Identiti lawan kecelaruan peranan
 - b) Generatif lawan tetap
 - c) Industri lawan rendah diri
 - d) Tiada satu pun yang betul
11. Membayangkan masalah dengan cara yang mudah adalah satu cara penyelesaian masalah melalui pemikiran secara
- a) Perwakilan Simbolik
 - b) Perwakilan Visual
 - c) Perwakilan Proposisi
 - d) Perwakilan Verbal

12. Manik-Depresif memaparkan ciri-ciri perasaan aktif dan bertenaga serta perasaan murung secara bertukar ganti. Apakah jenis abnormal ini?
- a) Celaru Affektif
 - b) Neurosis
 - c) Celaru Personaliti
 - d) Skizofrenia
13. Sikap perlu mempunyai komponen-komponen berikut KECUALI
- a) Kepercayaan terhadap objek sikap
 - b) Perasaan terhadap objek sikap
 - c) Gerakbalas terhadap objek sikap
 - d) nilai terhadap objek sikap
14. Umur mental yang lebih rendah dari umur kronologikal akan meletakkan individu
- a) Pada peringkat IQ di atas 100
 - b) Pada peringkat IQ di bawah 100
 - c) Bergantung kepada umur diambil ujian
 - d) Di paras yang tidak menentu
15. Ujian personaliti yang menggunakan kad-kad yang menghasilkan corak melalui dakwat merupakan contoh ujian
- a) 16 PF
 - b) California Personality Inventory (CPI)
 - c) Rorschach
 - d) Pen and Ink
 - e) Thematic Apperception Test (TAT)
16. Psikologi Klinikal
- a) Memberi cadangan terhadap penggunaan ubat-ubatan untuk merawat.
 - b) Menguruskan masalah seharian yang kurang serius
 - c) Menerapkan komponen-komponen psikologi kepada rawatan dan masalah tingkahlaku.
 - d) Melibatkan diri dalam usaha penyembuhan penyakit yang kronik secara biologi.
17. Pada peringkat Pra-Operasi, kanak-kanak
- a) Memusatkan perhatian kepada dirinya sahaja
 - b) Mengetahui konsep konservasi
 - c) Boleh berfikir secara abstrak dan membuat generalisasi
 - d) Berkebolehan menggabungkan nombor-nombor

18. Pilih kenyataan yang tidak benar
- Individu yang kreatif biasanya berdikari (independent)
 - Mereka yang kreatif bersifat produktif
 - Mereka yang cerdas biasanya kreatif
 - Idea dan pandangannya berbeza dari orang lain
19. Kehendak yang mendesak, khayalan yang pelbagai dan memori waktu silam biasanya tergabung dalam satu keasyikan fenomena diri individu yang disebut sebagai
- Hipnosis
 - Mimpi
 - Tidur
 - Meditasi
20. Pengaruh Sosial boleh berlaku dengan adanya kehadiran orang lain melalui
- Pemujukan
 - Kesan positif atau negatif
 - Kepimpinan
 - Impresi Pertama
21. Kaedah penyelidikan yang menggunakan teknik pemerhatian mempunyai kelemahan tersendiri iaitu
- Tidak boleh dilakukan di dalam makmal
 - Tiada subjek kawalan
 - Soalselidik yang tidak piawai
 - Kesan kehadiran penyelidik/pengkaji
22. Telepati (Telepathy) merupakan salah satu ciri ESP dan mempunyai kaitan dengan
- Perhubungan suara dari seorang individu kepada individu yang lain.
 - Persepsi terhadap objek atau kejadian
 - Persepsi terhadap masa akan datang
 - Tiada satu pun yang betul
23. Keyakinan dan kematangan diri seorang kanak-kanak boleh berkembang dengan pesat melalui
- Suasana persekitaran yang tidak terhad
 - Sosialisasi dan interaksi di nurseri
 - Peneguhan positif yang sesuai di rumah
 - Belaian kasih sayang yang sempurna dan tidak berlebihan
 - Semua di atas adalah benar

24. Tindakbalas terhadap kekecewaan sehingga menyebabkan individu hilang minat untuk berusaha terhadap sesuatu dikenali sebagai
- a) Apati
 - b) Sikap
 - c) Regresi
 - d) Aggresif
25. Terapi yang digunakan untuk menyelesaikan masalah individu yang merasa sunyi, diketepikan dan tertinggal adalah lebih sesuai dikategorikan sebagai
- a) Terapi Individu
 - b) Terapi Perubatan
 - c) Terapi Berkumpulan
 - d) Terapi Bersistem

BAHAGIAN B (15 Markah)

Soalan 1-15, baca setiap kenyataan dengan teliti. Tandakan 'B' di hujung kenyataan itu sekiranya ia benar dan 'S' sekiranya salah.

- | | Benar/Salah |
|--|-------------|
| 1. Kreativiti merupakan satu proses dan product (penghasilan). | _____ |
| 2. Superego merupakan katahati (conscience) yang bersifat realiti. | _____ |
| 3. Konflik mendekat-menghindar amat sukar untuk diatasi. | _____ |
| 4. Ujikaji Asch merujuk kepada pemimpin yang mengikut orang lain. | _____ |
| 5. Keperluan kepada perdampungan dalam Teori Motivasi McClelland adalah sama tarafnya dengan peringkat kewujudan dalam Teori Alderfer. | _____ |
| 6. Maklumat yang diulang-ulang boleh mengelakkan Penyekatan Proaktif. | _____ |
| 7. Teknik Pembentukan (Shaping) merupakan sebahagian dari proses pelaziman operan. | _____ |
| 8. Kaedah kejutan elektrik untuk pesakit mental juga dikenali sebagai Biofeedback. | _____ |
| 9. Tempoh genting merujuk kepada tempoh seseorang individu itu dapat mempelajari bahasa ketika usia lanjut. | _____ |
| 10. Asthenic <-----> Endomorph | _____ |
| 11. John Dewey <-----> Functionalisme | _____ |
| 12. Motivasi <-----> Homeostasis | _____ |

13. IQ 111 <-----> Normal _____
14. Ambang Mutlak <-----> Watson _____
15. Nombor rumah/telefon <-----> Ingatan
Semantik _____

Dec 92/93

BAHAGIAN C (10 Markah)

Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan/istilah yang sesuai

1. Dalam video 'The Miracle Man', Morris Goodman telah meletakkan matlamat jangka _____ dan matlamat jangka _____ bagi mencapai cita-citanya.
2. _____ merupakan ciri-ciri individu yang tidak bertanggungjawab dan suka berbohong. Ia dianggap sebagai mempunyai masalah celaru personaliti.
3. Teori _____ telah digunakan oleh Sigmund Freud untuk menganalisis mimpi-mimpi pesakitnya.
4. Kebolehan atau kecerdasan seseorang individu boleh dihubungkan dengan sistem _____
5. Konflik Mendekat _____ adalah merupakan konflik yang disebabkan oleh dua matlamat yang menarik pada satu masa.
6. Individu ini amat takut melihat darah hingga boleh menyebabkan mereka tidak sedarkan diri. Apakah istilah bagi jenis phobia ini?

7. Dalam pemikiran, kita berfikir membentuk imej dan situasi sebagai satu simbol. Apakah simbol ini?

8. Ianya harus diberi sebaik saja tingkahlaku itu terjadi dengan kadar yang boleh memberikan kesan serta disertai dengan memberitahu tingkahlaku yang sepatutnya dilakukan.

9. Mengikut Freud, naluri mati boleh mengarah kepada kemusnahan diri yang boleh ditujukan dalam bentuk tingkahlaku agresif ataupun membunuh diri. Teori apakah yang membentuk kenyataan ini.

10. Kepuasan yang diperolehi apabila bayi disusui oleh ibunya merupakan satu keseronokan bagi bayi di peringkat umur ini. Namakan tahap ini yang terkandung dalam teori psikoseksual Freud.

BAHAGIAN D (50 Markah)

Jawab semua soalan

1. Berdasarkan Teori Keperluan Maslow, berikan pandangan dan pendapat anda tentang hubungannya dengan diri seseorang individu serta nyatakan sebarang kekurangan atau kelebihan yang terdapat pada teori ini.

(10 Markah)
2. Bincangkan 3 (tiga) bentuk badan yang mempunyai kaitan dengan personaliti sebagaimana yang dinyatakan oleh Sheldon.

(5 Markah)
3. Apakah yang dimaksudkan dengan pemimpin? Bincangkan dengan ringkas tentang corak kepimpinan yang terbaik?

(5 Markah)
4. Senaraikan 4 (empat) simbol-simbol dalam pemikiran serta senaraikan 3 (tiga) pandangan yang menyatakan bagaimana bahasa diperolehi.

(5 Markah)
5. Nyatakan apa yang dimaksudkan dengan Ambang Mutlak serta namakan 5 (lima) deria yang terdapat pada manusia.

(5 Markah)
6. Huraikan 3 (tiga sebab) kenapa peringkat awal perkembangan kanak-kanak itu penting.

(5 Markah)
7. Apakah yang dimaksudkan dengan emosi serta beri 3 (tiga) ciri-ciri emosi.

(5 Markah)
8. Terangkan dengan ringkas 3 (tiga) tahap tekanan yang dihadapi oleh individu serta berikan 3 (tiga) bentuk mekanisme bela diri untuk mengurangkan tekanan.

(5 Markah)
9. Namakan (empat) jenis-jenis kecelaruan Neurosis dan (satu) jenis celaru Affektif.

(5 Markah)